

01 OCT 2002

Afrika-SNNi (Bergambar)/I

SNNi PERLU DIPERKUKUHKAN, KATA DUTA AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Inisiatif Smart News Network International (SNNi) perlu diperkukuhkan lagi kerana liputan media tradisional sekarang mengenai Malaysia dan rantau Afrika tidak "begitu mesra".

Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan di Malaysia Dr Abraham Sokhaya Nkomo berkata negara-negara Afrika tidak boleh bergantung kepada saluran berita konvensional yang tidak bebas dalam menjalankan tugas mereka.

"Kita perlu melihat bagaimana sebuah rangkaian yang baik boleh membawa satu objektif bebas liputan peristiwa di Afrika kerana kita tidak boleh bergantung kepada saluran yang konvensional dan tradisional yang tidak mempunyai pandangan begitu mesra mengenai pembangunan di negara kita," katanya kepada Bernama selepas melawat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di sini hari ini.

SNNi dilancarkan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Presiden Mozambique J.Chissano di Kampala, Uganda, pada 20 Ogos tahun lepas.

Anggota awal SNNi ialah Daily News Botswana, Bernama, The New Straits Times dan Utusan Malaysia dari Malaysia, Agensi Berita Mozambique, Namibia Today, Buanews Afrika Selatan, New Vision Daily Uganda dan The Herald Zimbabwe.

Anggota lain ialah Agensi Berita Ghana, Agensi Berita Malawi dan Agensi Berita AGP Republik Guinea.

Nkomo berkata seluruh usaha perlu digembleng semua negara peserta dalam memperkukuhkan SNNi untuk menjadikannya satu sumber berita yang lebih berkredibiliti bagi penduduk di kedua-dua benua.

"Semua usaha perlu digembleng dalam membangunkan satu rangkaian berita bagi penduduk di selatan," katanya.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Afrika Selatan, beliau berkata masyarakat peniaga kedua-dua negara perlu berusaha untuk meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara serta mewujudkan lebih banyak usaha sama.

Nkomo berkata satu projek sedang dijalankan untuk memasang kabel telekomunikasi bagi menghubungkan Malaysia, Mauritius dan Afrika Selatan dalam usaha mendekatkan lagi rakyat ketiga-tiga negara.

Katanya Afrika Selatan juga mahu melihat lebih ramai rakyat Malaysia melawat negara itu untuk menggunakan pusat pendidikannya yang besar dan disanjung dalam beberapa bidang terutama kejuruteraan, perubatan dan bahasa Inggeris.

Buat masa ini, Nkomo berkata lebih daripada 150 pelajar Afrika Selatan menuntut di pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia tetapi jumlah itu tidak seimbang dengan penuntut Malaysia yang berada di negara itu.

"Ia sepatutnya dua hala," katanya sambil berkata kedua-dua negara sedang mengkaji kemungkinan memperluas dan mengukuhkan kerjasama yang sedia wujud dalam bidang pendidikan.

-- BERNAMA

MHI AHH TS RON